

03/09/2003

Mbeki diberi sambutan negara

KUALA LUMPUR: Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki, yang tiba di sini petang kelmarin untuk lawatan rasmi tiga hari, diberi sambutan negara di pekarangan bangunan Parlimen, semalam.

Mbeki yang tiba bersama isterinya, Zanele Mbeki, disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Hadir sama, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menteri Kabinet dan perwakilan asing.

Selepas lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan dan 21 das tembakan meriam dilepaskan, Presiden Afrika Selatan itu memeriksa perbarisan kehormat 103 pegawai dan anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja yang diketuai Mejar Kamruzzaman Mohd Yunus. Mbeki turut diperkenalkan kepada orang kenamaan.